

Buah-Buahan Dalam Al-Qur'an Menerusi Aspek Bahasa Arab

Fruits In The Qur'an Through Lingual Aspect

Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli¹

ABSTRAK

Al-Qur'an merupakan sebuah kitab yang mengandungi kalam Allah dan tiada keraguan yang perlu dipertikaikan tentang keesaanNya. Ia adalah sebuah kitab yang mengandungi kebenaran bagi seluruh umat manusia dan memandu mereka dari kegelapan kepada cahaya kebenaran. Ia adalah sumber maklumat yang komprehensif bagi seluruh umat Islam. Berdasarkan kepada al-Qur'an, terdapat banyak buah-buahan yang dinyatakan di dalamnya yang menjadi salah satu daripada tanda kebesaranNya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti buah-buahan dalam al-Qur'an dan melihat penggunaannya menerusi aspek bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan rekabentuk analisis kandungan dengan menjadikan al-Qur'an sebagai sumber utama analisis. Data pula dianalisis secara deskriptif dengan berdasarkan pendapat para ilmuan terdahulu berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka. Terdapat enam lafaz buah yang dikenalpasti untuk dikaji dan ia berfokuskan kepada bentuk perbendaharaan kata al-Qur'an dan gaya bahasanya serta percontohan daripada ayat-ayat al-Qur'an. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan lafaz buah-buahan dalam al-Qur'an menampilkan beberapa aspek bahasa Arab yang mampu dibuktikan melalui pemilihan kata, *majaz*, *ikhtisas*, tatabahasa Arab, kontekstual perkataan dan gaya bahasa perumpamaan.

Kata kunci: Buah-buahan, al-Qur'an, bahasa Arab, gaya bahasa al-Qur'an, mesej

ABSTRACT

Al-Qur'an is a book that is the word of Allah and there is no doubt its divinity. The claim is made by no one but Allah himself. Qur'an is the Book of Allah with a message of truth for all mankind and brings ones life out of darkness into light. It is comprehensive primary source of knowledge for Muslims. According to the Qur'an, there are more fruits mentioned as a sign of Allah himself. Therefore, this study is to identify the fruits and look the Qur'anic verses related behind their types of language style uses in the Qur'an. This study is qualitative using content analysis design by taking the Qur'an as the main source of analysis. The data are analysed in descriptive way based on the views of past scholars related to the issues they raise. Around six fruits analysed based on the six verses of the Qur'an focused on the inimitability form of glossary of the Qur'an and its language style apart from the exempling from Qur'anic verses. The outcome of this study indicates that the use of the fruits in the Qur'an brings to its language style and it has its own stylisation capable of being proven through the selection of words, *majaz*, *ikhtisas*, grammatical and simile.

Keywords: Fruits, qur'an, arabic language, language style, message

¹ Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli, Calon Doktor Falsafah (PhD) Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, rose_mujahid@yahoo.com

Pengenalan

Al-Qur'an adalah mukjizat besar yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dalam bahasa Arab. Ia mengandungi pelbagai rahsia dan khazanah agung yang menjadi tumpuan serta penyelidikan sepanjang zaman. Segala aturan dan manhaj yang termaktub di dalamnya menjadi pegangan bagi orang beriman hingga ke hari kiamat. Menyebut tentang al-Qur'an, tidak dinafikan bahawa terdapat berbagai-bagai topik dan perbincangan yang dinyatakan di dalamnya. Antara tajuk yang menjadi fokus kajian ini ialah berkaitan dengan buah-buahan yang merupakan salah satu tanda kekuasaanNya. Umumnya, buah-buahan yang tumbuh di atas muka bumi ini adalah sebahagian daripada kelompok tumbuh-tumbuhan yang dominan kepada manusia dan sekalian alam.

Pada asasnya, perbincangan tentang buah-buahan yang dinyatakan dalam al-Qur'an telah pun dijelaskan oleh para ilmuan terdahulu dan ia masih diteruskan menerusi kajian ilmiah. Kajian tersebut telah dibangkitkan oleh mereka dan ia dibincangkan dalam pelbagai aspek. Antara kajian yang dimaksudkan ialah *Asrar al-Nabat* (2009), *al-Thimar wa al-A'syab al-Waridah fi al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyyah* (2006) dan *Kitab al-Nabat* (1974). Dalam hal ini, perlu dijelaskan bahawa pemilihan tajuk buah-buahan dalam al-Qur'an menerusi aspek bahasa Arab bertitik tolak daripada saranan dan kesinambungan kajian terdahulu. Al-Hadi (1999) menyebut dalam kajiannya bahawa terdapat kajian-kajian yang berkaitan dengan alam tumbuh-tumbuhan. Setiap kajian yang dibangkitkan oleh para pengkaji menghasilkan pelbagai hasil dan penemuan yang berbeza. Namun, melihat kepada sudut *I'jaz Lughawi* dan *al-Bayan* al-Qur'an, banyak lafaz yang boleh dihuraikan dari pelbagai aspek makna. Justeru, ia menjadi peluang besar kepada mereka di luar sana untuk menerokai serta memperhalusi makna di sebalik huruf dan perkataan tersebut. Saipolbarin (2015) dalam kajiannya turut menegaskan bahawa terdapat beberapa aspek tumbuh-tumbuhan yang belum dibincangkan. Ia berkait rapat dengan bahagian-bahagian lain yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan seperti batang, daun, pucuk bunga, buah dan seumpamanya. Kepelbagaian variasi perkataan dalam al-Qur'an memerlukan kepada penjelasan yang terperinci. Terdapat beberapa perkataan dan lafaz dalam al-Qur'an yang diterjemahkan kepada maksud yang berbeza. Antara perkataan tersebut ialah yang berkaitan dengan buah-buahan. Berhubung dengan penerangan tersebut, artikel ini ingin menerokai satu kajian yang berkaitan dengan buah-buahan dalam al-Qur'an menerusi aspek bahasa. Ia bertujuan untuk melihat penggunaan perkataan atau lafaz buah-buahan dalam al-Qur'an menerusi aspek bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini memfokuskan perbincangan terhadap penggunaan lafaz buah-buahan dalam al-Qur'an. Perkataan atau lafaz tersebut akan dianalisis penggunaannya dalam al-Qur'an.

Metodologi

Kajian ini lebih mendasari pendekatan kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis dokumen dengan menggunakan rujukan dan sumber yang berkaitan topik kajian. Al-Qur'an dijadikan sumber utama untuk menganalisis dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian. Terdapat enam lafaz buah dikenalpasti dalam ayat al-Qur'an untuk dikaji. Ia dikenalpasti daripada surah yang berbeza iaitu surah al-An'am, al-Tin, al-Waqi'ah, al-Rahman, al-Qamar dan 'Abasa. Semua ayat tersebut dipilih berpandukan kepada *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* (2001). Pengumpulan data turut diperolehi melalui pengumpulan bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel jurnal dan tesis yang

berkaitan. Manakala kaedah analisis data adalah berbentuk deskriptif. Ia digunakan dalam kajian ini dengan mengambil pendapat para ilmuan terdahulu berkaitan isu yang dibangkitkan oleh mereka. Dari sudut analisis, lafaz buah yang terkandung dalam ayat al-Qur'an digariskan dan dilihat penggunaannya dalam perkamusan Arab. Kemudian, lafaz tersebut akan dibincangkan kupasannya berpandukan kepada tafsiran yang muktabar. Setiap lafaz tersebut akan dianalisis menerusi beberapa aspek bahasa Arab yang berkaitan seperti tatabahasa, retorik dan sebagainya.

Dapatan Dan Perbincangan

Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat ayat al-Qur'an yang dikenalpasti mengandungi lafaz buah iaitu *al-Tin*, *al-Zaitun*, *Talh*, *°Inab*, *al-Rumman* dan *al-Nakhl*. Setiap lafaz tersebut memperlihatkan penggunaannya dari aspek bahasa Arab. Ini bermakna lafaz atau perkataan dalam al-Qur'an mengandungi justifikasi dan rahsia di sebaliknya.

Jadual 1: Lafaz buah mengikut surah dan ayat

Buah	Surah	Ayat
Al-Tin	Al-Tin	1
Al-Zaitun	Al-An°am	141
Talh	Al-Waqi°ah	29
°Inab	°Abasa	28
Al-Rumman	Al-Rahman	68
Al-Nakhl	Al-Qamar	20

1) Al-Tin (Tin)

وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ ﴿١﴾

Maksud: Demi buah Tin dan Zaitun (Surah al-Tin: 95: 1)

Menurut Ibn Manzur (1999), perkataan *al-Tin* merujuk kepada sejenis buah yang dimakan iaitu buah Tin. Spesies buah ini banyak tumbuh di darat, kawasan perkampungan dan kawasan bukit yang wujud di tanah Arab. Selain itu, *al-Tin* juga merujuk kepada sebuah bukit yang terletak di Syam. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa *al-Tin* merujuk kepada dua perkara iaitu buah dan tempat. Dari kalangan masyarakat Arab, perkataan *al-Tin* dapat dilihat dalam satu rangkap puisi yang dinyatakan oleh Ahmad Hasan (1996):

أَرَى فِي التِّينِ عِلْمَ الْحَقِّ حَقًّا وَعِلْمِي أَنَّهُ الْحَقُّ الْمُبِينُ
وَعِلْمَ الْمُصْطَفَى الْأَمِّيِّ مِنْهُ بِهِ قَدْ جَأَ فِي النَّبَأِ الْبَيِّنُ

Dalam rangkap puisi ini, penyair melahirkan rasa kagum yang tersemat jauh di dasar hatinya apabila mengamati intipati surah al-Tin. Beliau rasa amat kagum dengan kebesaran tuhan yang menciptakan buah tin. Dengan melihat buah tersebut, penyair mendapat inspirasi ilmu yang tersirat di sebaliknya. Hakikatnya, rahsia di sebalik buah tin ini adalah satu kebenaran yang disampaikan melalui rasulNya. Menurut Sumaiyah (2015), pokok ara atau tin (*Ficus carica*) adalah tumbuhan daripada famili Moraceae dan ia berasal dari Asia Barat dan timur Mediterranean. Genus *Ficus* merupakan genus yang mengandungi 800 spesies termasuklah sejenis spesies yang buahnya digunakan secara meluas sebagai bahan perdagangan iaitu spesies *Ficus carica*. Perkataan *carica* diambil

bersempena sebuah kawasan bernama *caria* yang terkenal dengan pengeluaran buah ara kering suatu ketika dahulu. Pokok ara merupakan antara tumbuhan terawal ditanam dalam sejarah peradaban manusia. Penanamannya bermula di kawasan subur selatan tanah Arab dan kemudian, ia berkembang ke Asia Barat termasuk Mesopotamia, Anatolia, Transcaucasia, Armenia, Persia dan Afghanistan. Pokoknya berdaun luruh dan ia cepat membiak di kawasan habitatnya. Kayu pokoknya adalah kayu yang kurang tumpat dan ia mudah patah. Ketinggian pokoknya adalah dalam lingkungan 3 hingga 10 meter berbeza mengikut genotip dan ia boleh dicantas untuk menghasilkan pelbagai bentuk.

Wahbah al-Zuhaili (2009) menjelaskan bahawa Allah memulakan surah al-Tin dengan satu sumpahan terhadap buah tin dan zaitun. Buah tin dan zaitun yang tertera dalam ayat al-Qur'an adalah kiasan kepada negeri yang terkenal dengan kedua-dua buah tersebut. Allah bersumpah dengan buah tin kerana ia adalah sejenis buah dan penawar kepada sesuatu penyakit. Buahnya lembut dan ia boleh membantu mempercepatkan proses penghadaman. Kandungan buah tin dapat dijadikan sebagai penawar kerana ia berfungsi untuk merawat dan mengeluarkan sisa bahan kumuh dalam badan. Ashraf Qadah (2009) memberikan sedikit pencerahan tentang buah tin. Menurutnya, ia sejenis buah yang makruf dan disebut dalam al-Qur'an. Rahsia di sebalik buah ini telah pun diterokai oleh para pengkaji. Aspek pemakanan menunjukkan bahawa buah tin mengandungi unsur karbohidrat, protein, kalsium, fosfat, zat besi dan vitamin. Dari sudut perubatan, ia membantu menghasilkan hemoglobin bagi yang menghadapi masalah kekurangan sel darah merah (anemia). Seperti yang dinyatakan oleh kebanyakan pengkaji, khasiat daripada buah tin boleh membantu mencegah sembelit dan melancarkan pergerakan usus. Ia mengandungi khasiat tinggi jika dibandingkan dengan buah-buahan lain. Ia tidak mengandungi garam, lemak dan kolesterol tetapi ia mengandungi lebih tinggi kandungan galian yang lain seperti kalium, serat dan zat besi. Antara khasiat buah ini ialah ia dapat membantu mengurangkan penyakit sesak nafas, membersihkan hati dan limpa, menghilangkan kahak yang berkumpul serta memberi khasiat kepada tubuh badan. Ia juga dilihat sebagai satu langkah pencegahan untuk melawan racun dalam badan. Di samping itu, kehadiran serat, kalium dan magnesium dalam buah tin dapat mengurangkan serangan angin ahmar serta mampu mengawal tekanan darah tinggi. Ia baik untuk penghidap penyakit darah tinggi kerana boleh dijadikan amalan bagi mengurangkan dan mengawal penyakit tersebut. Manakala bagi penyakit kencing manis, buah tin didapati sesuai kerana serat yang terdapat dalam buahnya boleh memperlambatkan proses penyerapan glukosa di usus kecil.

Dari aspek bahasa Arab, perkataan *al-Tin* memperlihatkan gaya bahasa *Majaz* di sebaliknya penggunaannya dalam ayat al-Qur'an tersebut. Ia berdasarkan kepada pendapat Wahbah al-Zuhaili (2009). Jika diperhatikan dengan teliti, perkataan *al-Tin* dalam ayat tersebut adalah lafaz yang menerangkan sesuatu makna tersirat. Zahirnya, perkataan *al-Tin* menerangkan sejenis buah yang mahsyur iaitu buah tin. Namun, di sebaliknya ia menginterpretasikan tempat tumbuhnya buah tin iaitu Syam. Bahkan, ia mencernakan satu gambaran bahawa negara Syam adalah sebuah negara yang mempunyai tanah subur. Tanah yang subur mampu menghasilkan buah tin yang baik. Bukan sekadar buah tin sahaja, malah buah-buahan yang lain juga turut subur untuk tumbuh. Oleh itu, gaya bahasa *Majaz* yang zahir pada perkataan *al-Tin* ini menghasilkan pengertian yang ringkas dan padat. Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa perkataan *al-Tin* menginterpretasikan dua perkara iaitu sejenis buah yang dimakan. Kedua, tempat subur yang menumbuhkan buah tersebut.

2) Al-Zaitun (zaitun)

وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ ﴿٩٩﴾

Maksud: dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan (Surah al-An'am: 6: 99)

Al-Fairuz Abadi (2005) menyebut bahawa *al-Zaitun* merujuk kepada pohon zaitun, masjid di kota Dimasyq atau sebuah bukit di Syam. Manakala Ibn Manzur (1999) pula menyebut bahawa perkataan *al-Zaitun* ialah kata jamak bagi buah zaitun dan kata tunggal bagi sebiji zaitun ialah *al-Zaitunah*. *Al-Zait* ialah minyak yang terhasil daripada buah zaitun. Perkataan *al-Zaitun* juga disebut dalam kalangan masyarakat Arab yang berbunyi:

فِي قَبَابٍ عِنْدَ سَكْرَةَ حَوْلَهَا الزَّيْتُونَ قَدْ يَنْعَا

Secara saintifiknya, Sumaiyah (2015) menyatakan bahawa buah zaitun dikenali sebagai *Olea europaea L.* Ia berasal dari Phoenicia iaitu bahagian selatan di semenanjung Arab. Kemudian, ia dibawa ke Barat iaitu ke bahagian Eropah, Afrika dan di bawa ke timur iaitu Afghanistan dan Iran. Manakala Pamplona Roger (2002) menyebut bahawa zaitun merupakan tumbuhan malar hijau dan ia juga merupakan salah satu tumbuhan Mediterranean, Anatolia dan Balkan. Pokok zaitun penting dalam budaya masyarakat Mediterranean kerana mengikut kepercayaan tradisi mereka, ia adalah simbol keamanan. Ia berdasarkan peristiwa burung merpati yang dihantar untuk memeriksa aras banjir ketika zaman Nabi Nuh. Lalu, ia pulang dalam keadaan ranting pokok zaitun berada di paruhnya. Bagi kalangan orang Yahudi, minyak zaitun akan dilumurkan ke seluruh badan sebelum seseorang menyertai misi penting. Semasa era Kristian pula, pokok zaitun menjadi simbol semangat suci. Negara Sepanyol adalah pengeluar minyak zaitun yang terbesar sebanyak 180 juta pokok zaitun ditanam dari Andalusia ke Catalonia. Menurut Katsoyannos P. (1992), pokok zaitun merupakan pokok daripada famili *Oleaceae* yang bersaiz sederhana. Batangnya kasar, lurus dan berbentuk elips. Daunnya berwarna hijau kekelabuan. Buahnya berbentuk beri dan mengeluarkan bunga yang sedikit berwarna putih. Umumnya, zaitun merupakan pokok yang tahan lasak dan tumbuh di kawasan pergunungan, kawasan berbatu dan juga kawasan yang kering di mana kebanyakan tumbuh-tumbuhan lain tidak dapat hidup.

Wahbah al-Zuhaili (2009) menyebut dalam tafsirannya bahawa Allah adalah pencipta kepada setiap sesuatu di alam ini. Setiap tanaman, buah-buahan dan seumpamanya turut termasuk dalam penciptaanNya. Dia menciptakan setiap tanaman daripada berbagai-bagai jenis bentuk, rupa, ciri-ciri, sifat dan rasa. Begitu juga ciptaan Allah terhadap buah zaitun dan delima yang mempunyai persamaan serta perbezaan warna atau daun. Setiap tanaman yang tercipta itu lahirnya daripada satu acuan air yang sama dan terbit daripada satu jenis tanah yang sama. Namun, perbezaan bagi setiap tanaman ialah bau, rasa, warna dan tempoh matang tanaman tersebut mengikut kesesuaian iklim serta keperluan manusia. Justeru, ini bukti kekuasaan Allah yang mutlak dan tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Dari sudut perubatan, ternyata bahawa buah zaitun mengandungi agen antioksidan. Berdasarkan kepada tinjauan yang dibuat oleh Cicerale (2010), didapati kandungan sebatian fenolik dalam minyak zaitun dapat melindungi

kerusakan oksidatif DNA. Kerosakan oksidatif DNA merupakan pencetus kepada karsinogenesis dan membawa kepada perkembangan kanser. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa pengambilan minyak zaitun semasa sarapan pagi mengurangkan *F2-isoprostanes* secara signifikan berbanding sarapan pagi yang tidak diperkayakan dengan sebatian fenolik. *F2-isoprostanes* merupakan petanda (*markers*) wujudnya tekanan oksidasi. Tekanan oksidasi yang dihasilkan oleh spesies oksigen reaktif (*Reactive oxygen species (ROS)*) menyebabkan banyak penyakit seperti arterosklerosis, beberapa jenis kanser dan juga penyakit kemerosotan sistem saraf.

Dari sudut bahasa Arab pula, *al-Zaitun* mempunyai kekerapan pengulangan perkataan dalam al-Qur'an sebanyak enam kali menerusi ayat surah al-An'am, al-Nahl, al-Nur, 'Abasa dan al-Tin. Dari sudut makna, keenam-enam perkataan tersebut menerangkan maksud yang sama iaitu buah zaitun. Namun, dari sudut penggunaannya dalam bahasa Arab adalah berbeza antara satu sama lain. Dari aspek yang lain, perkataan *al-Zaitun* yang tertera dalam ayat dari surah al-An'am ini menampilkan aspek pengkhususan. Ia berdasarkan kepada pandangan Muhamad Husain Salamah (2002) yang menyebut bahawa perkataan *al-Zaitun* memperlihatkan satu pengkhususan yang mulia terhadap buah tersebut. Pengkhususan tersebut menggambarkan kemuliaan buah ini seolah-olah ia tergolong dalam kategori buah yang lain daripada buah-buahan lain. Dalam hal seperti ini, dapat dirungkaikan rahsia di sebalik kemuliaan dan kehebatan buah zaitun ini. Mahir Hasan Muhammad Mahmud (2006) memberikan serba sedikit pencerahan tentang ini. Menurutnya, pohon zaitun adalah pohon yang berkat dan minyak yang terhasil daripadanya mengandungi khasiat semula jadi. Di samping itu, al-Qur'an turut menyatakan bahawa terdapat tujuh surah yang menyebut perkataan *al-Zaitun* dan ia adalah pohon yang pertama tumbuh di atas dunia. Bahkan, ia juga pohon yang pertama tumbuh selepas banjir taufan besar dan ia juga adalah pohon yang tumbuh di kebanyakan rumah para anbia'. Rentetan dari apa yang dinyatakan ini, jelaslah apa yang tersirat di sebalik kemuliaan buah zaitun ini. Ternyata, pengkhususan yang terlakar pada perkataan *al-Zaitun* merungkaikan seribu satu pengertian sebenar tentang kemuliaan dan kelebihan buah zaitun.

3) Al-Talh (pisang)

﴿٢٩﴾ وَطَلْحٍ مَّنضُودٍ

Maksud: Dan pohon-pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya)
(Surah al-Waqi'ah: 56: 29)

Ibn Manzur (1999) menyebut bahawa perkataan طَلْح mempunyai dua pengertian. Pertama, pokok yang tumbuh di kawasan Hijaz dari spesies pokok *al-Sumurah* (akasia tortilis) dan ia dikenali sebagai pokok *Umm Ghailan*. Kata tunggal bagi طَلْح ialah طَلْحَة dan kata jamaknya menurut Sibawaih ialah طَلُوحٌ atau طَلَّاح. Selain itu, الطَّلْح disebut sebagai pohon panjang yang rimbun dan boleh disinggahi oleh manusia dan unta untuk berteduh rehat. Ia adalah pokok yang berdahan besar, berdaun lebat dan menghijau serta mempunyai duri yang halus. Ia tumbuh di kawasan bertanah kasar. Dalam puisi Arab ada menyebut:

أَنْ تَهْبِطِينَ بِأَدَاةٍ قَوْمٍ
يَرْتَعُونَ مِنَ الطَّلْحِ

Rangkap puisi ini menyebut bahawa sekiranya terdapat sesiapa sahaja yang ingin singgah ke perkampungan atau sesuatu negeri, mereka akan berteduh rehat di bawah pohon *al-Talh* atau *Umm Ghailan*. Kedua, perkataan الطَّلْح menginterpretasikan makna المَوْز iaitu pisang. Namun, perkataan tersebut jarang digunakan dalam bahasa. Abd al-Mun'ım Fahim al-Hadi (1998) ada menyebut bahawa الطَّلْح ialah perkataan Arab yang tepat bagi perkataan pisang. Manakala المَوْز ialah perkataan Hindi yang digunakan dalam bahasa Arab. Kebanyakan pengkaji menyatakan bahawa ia adalah perkataan yang merujuk kepada makanan ahli falsafah India. Ini kerana mereka banyak bergantung kepada buah pisang sebagai makanan asasi yang membantu mereka untuk berfikir dan mencari ilham.

Berdasarkan ayat al-Qur'an tersebut, Wahbah al-Zuhaili (2009) menerangkan antara nikmat syurga yang diterima oleh penghuni-penghuninya. Mereka menikmati keindahan syurga yang penuh dengan berbagai-bagai nikmat. Mereka berada di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri. Mereka dapat melihat dalam syurga itu terdapat pohon-pohon buah syurga iaitu pohon pisang yang tersusun buahnya dan air yang mengalir terus tidak terhenti. Dalam soal ini, al-Hadi (1998) menyebut bahawa pohon pisang dalam ayat tersebut adalah gambaran nikmat syurga yang diterima oleh hamba-hambanya yang beriman. Segalanya tersedia untuk para penghuni syurga yang menambahkan rasa nikmat dan menyenangkan mata memandang. Sehubungan itu, dapat dinyatakan bahawa pisang adalah antara salah satu daripada rahsia kenikmatan syurga yang diciptakan oleh Allah. Ia menjadi perhiasan dalaman syurga bagi orang yang beriman dan bertakwa. Dari perbincangan ini, dapat dilihat perbandingan antara perkataan *Talh* dan pisang (الموز) mengikut konteks ayat al-Qur'an. Perkataan *Talh* dalam al-Qur'an menerangkan tentang buah yang diciptakan untuk penghuni syurga. Pohonnya besar, tinggi serta mempunyai daun yang banyak. Ia berdaun hijau dan menjadi tempat untuk berteduh di bawahnya. Buahnya pula disediakan untuk penghuni syurga dan mereka boleh bersenang-senang di bawah teduhan pohon ini. Manakala الموز menunjukkan ia adalah buah pisang yang menjadi makanan ahli falsafah India. Bermakna, ia adalah buah yang dimakan oleh segenap manusia dan bukan hanya kepada ahli falsafah atau sesiapa sahaja.

Beralih kepada sudut bahasa Arab, lafaz *Talh* dilihat sebagai perkataan yang menerangkan aspek pengkhabaran cerita. Menurut al-Darwish (1992), perkataan *Talh* mempamerkan aspek pengkhabaran cerita dalam konteks ayat al-Qur'an tersebut. Hakikatnya perkataan *Talh* dan *Mandhud* adalah gabungan dua perkataan yang menceritakan keadaan buah pisang dalam syurga. Ia menerangkan situasi perjalanan ahli syurga yang berbahagia dan bakal menerima nikmat-nikmat syurga yang tidak terhingga. Mereka berada di antara pohon bidara yang tidak berduri dan dihiasi dengan pohon pisang yang bersusun serta berada di bawah naungan yang terbentang luas. Dari aspek kontekstual ayat, perkataan *Talh* dan *Mandhud* mempunyai baris tanwin yang sama. Persamaan baris tersebut mempamerkan keindahan perkataan al-Qur'an. Justeru, keindahan buah pisang dalam ayat al-Qur'an tersebut bukan sekadar mempamerkan aspek buah semata-mata. Malah, ia menggambarkan keadaan buah pisang yang tersusun rapi susunan tandan atau

sisir buahnya dan tidak bertaburan. Penghuni syurga bersenang-senang di bawah teduhan pohon ini dan ia banyak memberi manfaat kepada mereka serta buahnya boleh dimakan. Oleh itu, perkataan *Talh* adalah tepat untuk mendefinisikan makna pisang yang sebenar dalam al-Qur'an berbanding dengan perkataan lain.

4) *ʿInab* (anggur)

﴿ ٢٨ ﴾ وَعِنَبًا وَقَضْبًا

Maksud: Dan buah anggur serta sayur-sayuran (Surah ʿAbasa:80: 28)

Perkataan *ʿInab* menurut al-Fairuz Abadi (2005) ialah kata jamak bagi anggur. Begitu juga Ibn Manzur (1999) menyatakan bahawa lafaz tunggal bagi anggur ialah *ʿInabah* manakala kata gandanya ialah *al-ʿInab*, *Aʿnab* dan *al-ʿInaba*’ sepertimana dalam rangkap puisi berikut:

تُطْعَمْنَ أَحْيَانًا وَحِينًا تَسْقَيْنَ
العِنَبَاءَ الْمُتَنَفَّى وَالَّتَيْنَ

Sumaiyah (2015) menyebut bahawa nama saintifik bagi anggur ialah *Vitis vinifera* L. Ia mempunyai batang yang kuat dengan ketinggian 2 meter. Batang dan tangkainya kasar dan bergabus. Daun pokok anggur adalah daun tunggal iaitu satu helai daun tumbuh pada satu tangkai. Panjang daunnya antara 10-16 cm dan lebarnya antara 8-14 cm. Daunnya tumbuh secara berselang-seli, permukaan yang kasar dan tepinya bergerigi. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada jenis anggur tertentu. Terdapat banyak sulur paut yang berfungsi sebagai penyokong kepada tangkai-tangkainya. Othman Yaacob (1995) menyatakan bahawa anggur merupakan tumbuhan daripada famili *Vitaceae*. Anggur berasal dari pergunungan Caucasus yang terletak antara Sepanyol dan Perancis. Kemudian, ia mula ditanam di kawasan Asia, Mediterranean dan Eropah. Melalui Eropah, penanaman anggur diperkenalkan ke Afrika (terutamanya Afrika Selatan), Australia, Jepun dan California. Penanaman anggur di kawasan Asia Tenggara pula adalah seperti Indonesia, Thailand dan Filipina diperkenalkan pada kurun ke-19.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (2009), intipati daripada ayat al-Qur'an menjelaskan satu seruan kepada manusia supaya merenungkan bagaimana Allah menjadikan makanan mereka untuk hidup di atas muka bumi ini. Lantas, ia menjadi petunjuk kepada manusia bahawa makanan yang wujud di bumi ini mempunyai sumber-sumbernya tersendiri. Ia terdiri daripada pelbagai sumber seperti bijirin, gandum, jagung, anggur, sayur-sayuran dan lain-lain. Dalam erti kata yang lain, segala hasil makanan yang wujud di bumi menjadi lubuk rezeki kepada kehidupan manusia sejagat. Oleh yang demikian, segala hasil yang tumbuh ini merupakan antara nikmat besar yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Namun, melihat kepada buah anggur yang dinyatakan, ia mengandungi khasiat dan manfaat. Mahir Hasan Mahmud Muhammad (2006) ada menyatakan bahawa buah anggur memberikan manfaat dari perspektif pemakanan dan pengubatan. Ia dikatakan mampu memudahkan proses penghadaman dalam perut dan ia bermanfaat kepada pesakit. Ia menjadi antara buah terbaik dalam pemakanan, membersihkan darah serta membantu

mengimbangkan proses penghadaman. Selain itu, anggur juga dikira sebagai penawar bagi penyakit jantung. Menurut Visioli *et al.* (2000), beberapa ujian klinikal yang dijalankan mendapati pengambilan makanan yang mempunyai bahan fitokimia seperti antosianin yang terdapat dalam buah anggur boleh mengurangkan risiko penyakit jantung. Maka, jelaslah bahawa anggur memiliki khasiat yang berguna kepada diri manusia.

Dari sudut bahasa Arab, perkataan *'Inab* mempamerkan aspek tatabahasa Arab dalam ayat al-Qur'an tersebut. Menurut al-Darwish (1992), perkataan *'Inab* berfungsi sebagai *Ma'atuf* yang menerangkan konten ayat tersebut dengan ayat al-Qur'an yang sebelumnya. Huruf *Wau* pada perkataan *'Inab* menjelaskan kesinambungan konten dalam ayat tersebut dengan konten ayat al-Qur'an sebelumnya. Jelasnya, huruf *Wau* pada perkataan *'Inab* menjadi perantaraan yang menghubungkan isi kandungan ayat tersebut dengan ayat al-Qur'an yang sebelumnya. Dari sudut baris, perkataan *'Inab* dan *Qadhban* memperlihatkan baris tanwin yang sama pada kedua-dua perkataan. Kedua-duanya menghasil sebutan baris yang sama. Selain itu, dapat dilihat bahawa kedua-dua perkataan itu mempunyai rima huruf yang sama pada huruf *Ba'* dan menghasilkan intonasi yang sama. Ini menunjukkan ketepatan pemilihan perkataan dan huruf dalam al-Qur'an adalah tepat dan serasi antara satu sama lain. Jika diperhalusi pada perkataan *'Inab* dan *Qadhban*, kedua-duanya mempunyai bilangan huruf yang sama iaitu sebanyak tiga huruf. Dalam erti kata yang lain, perkataan *'Inab* dalam ayat al-Qur'an tersebut menjustifikasikan padanan dan susunan perkataan yang tepat. Ia membentuk struktur ayat yang selari dari segi pemilihan perkataan, ketepatan perkataan, susunan huruf dan rima. Dari sudut yang lain, perkataan anggur dalam al-Qur'an mempamerkan dua variasi bentuk lafaz iaitu *'Inab* dan *A'nab*. Perkataan *'Inab* mempunyai dua kekerapan pengulangan dalam al-Qur'an yang bererti anggur dan penggunaan bahasa Arabnya dalam al-Qur'an adalah sama. Manakala perkataan *A'nab* pula dilihat kekerapan pengulangannya dalam al-Qur'an adalah sebanyak sembilan kali. Dari sudut makna, ia tetap bererti buah anggur namun penggunaan bahasa Arab dalam al-Qur'an adalah berbeza.

5) Al-Rumman (delima)

فِيهِمَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ ﴿٦٨﴾

Maksud: Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon korma dan delima
(Surah al-Rahman:55: 68)

Menurut Ibn Manzur (1999), perkataan *Rumman* ialah kata jamak dan ia merujuk kepada sejenis buah iaitu delima. Huruf *Alif* dan *Nun* pada perkataan tersebut menunjukkan bilangan yang banyak. Manakala lafaz tunggal bagi delima ialah *Rummanah*. Ini berdasarkan firman Allah: *فِيهِمَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ* dan bagi masyarakat Arab, huruf *Wau* dalam firman tersebut membawa satu pengertian yang khusus kepada perkataan *Rumman*. Dalam masyarakat Arab, menjadi kelaziman bagi mereka menyebut sesuatu perkara secara khusus dalam percakapan mereka. Dari sudut saintifiknya, Sumaiyah (2015) menyebut bahawa buah delima dikenali sebagai *Punica granatum L.* Ia adalah tumbuhan daripada famili *Punicaceae*. Pokok delima berasal dari Iran. Kemudian, ditanam di seluruh kawasan Mediterranean hingga India, China dan Amerika Syarikat (California). Pada masa ini,

pokok delima terdapat hampir di seluruh kawasan tropika dan subtropika. Walaubagaimanapun, tanaman ini tidak berbuah dengan baik di kawasan yang terlalu lembap. Buah yang tinggi kualitasnya didapati dari kawasan yang musim sejuknya sederhana dan musim panasnya adalah panas dan kering. Rukayah Aman (1999) menjelaskan bahawa pokok delima adalah bersaiz kecil dengan ketinggiannya boleh mencapai 24 meter. Ia meluruhkan daun pada musim sejuk di kawasan Mediterranean dan separa luruh di kawasan beriklim tropika. Dedaunnya teratur bersejajar sama ada dalam pasangan atau berkelompok-kelompok pada ranting kecil. Daunnya kecil dan ringkas iaitu 2 hingga 5 cm panjang dan berbentuk lonjong.

Wahbah al-Zuhaili (2009) berpandangan bahawa terdapat pelbagai jenis buah yang wujud dalam syurga. Antaranya ialah buah kurma dan delima. Dalam konteks ayat ini, al-Qur'an menyatakan bahawa kedua-dua buah ini mengandungi khasiat dan manfaat yang tersendiri berbanding dengan buah-buahan lain. Kedua-dua buah tersebut diklasifikasikan sebagai buah yang mulia jika dibandingkan dengan buah-buahan yang lain. Hal ini kerana buah kurma dan delima diperakui sebagai buah yang menjadi sumber makanan dan penawar. Dunia perubatan membuktikan bahawa buah delima mampu dijadikan penawar kepada penyakit diabetes. Bagri (2009) telah melakukan kajian ke atas bunga pokok delima dan mendapati bunganya boleh digunakan sebagai makanan tambahan dalam merawat penyakit kronik disebabkan oleh kegagalan metabolisme glukosa. Malah, ia juga dapat digunakan sebagai pencegahan kepada penyakit diabetes. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa khasiat dalam buah delima sememangnya berguna dan boleh membantu manusia.

Melihat kepada perkataan *Rumman* dalam ayat al-Qur'an tersebut, Mahmud Safi (1995) menyebut bahawa ia menerangkan tentang buah delima secara khusus. Dalam erti kata yang lain, ia satu pengkhususan yang dinyatakan dalam ayat al-Qur'an tersebut terhadap buah delima. Apa yang dilihat dalam ayat tersebut ialah penggunaan partikel *Wau*. Ia menerangkan bahawa buah delima dan kurma mempunyai kelebihan dan keistimewaannya tersendiri. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ibn Kathir (1998) yang menyebut bahawa buah delima dan kurma disebut secara khusus kerana kemuliaan yang terdapat pada kedua-dua buah tersebut berbanding yang lain. Al-Maraghi (1964) berpandangan bahawa walaupun kedua-dua buah tersebut termasuk dalam kategori buah-buahan, namun penyebutannya secara khusus memberi petunjuk tentang kelebihan yang dimilikinya. Beliau menyatakan bahawa antara keistimewaan buah delima ialah ia boleh didapati pada musim panas dan sejuk. Bahkan, ia juga boleh dijadikan lauk sebagai makanan asasi ataupun dimakan begitu sahaja. Daripada penerangan ini, jelaslah keistimewaan yang dimiliki buah delima dan ia bertepatan dengan konsep pengkhususan yang termaktub dalam ayat al-Qur'an tersebut. Dari sudut kekerapan pula, perkataan *Rumman* dilihat mengandungi kekerapan pengulangan sebanyak tiga kali dalam al-Qur'an. Ia tertera dalam ayat surah al-An'am dan al-Rahman. Dari sudut makna ia mendefinisikan pengertian buah delima dan dari sudut penggunaan dalam bahasa Arab pula, ketiga-tiga perkataan tersebut menjustifikasikan aspek bahasa Arab yang sama. Pengulangan yang wujud pada perkataan ini menampakkan bahawa ia antara satu daripada buah yang mulia dinyatakan dalam al-Qur'an.

6) Al-Nakhl (kurma)

تَنْزِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْعَمٍ ﴿٢٠﴾

Maksud: Yang menumbangkan manusia gugur bergelempangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon korma yang terbongkar (Surah al-Qamar:54: 20)

Menurut Ibn Manzur (1999), perkataan النخلة merujuk kepada pohon kurma dan perkataan jamaknya ialah نَخْل, نَخِيل dan نَخَلَات. Bagi penduduk Hijaz, mereka menyandarkan perkataan النخلة dalam bentuk *mu'annath* manakala penduduk Najd pula menyandarkan perkataan النخلة dalam bentuk *muzakkar*. Menurut Farooqi (2003), kurma dalam bahasa Arab disebut sebagai *nakhl* manakala buahnya yang matang dipanggil tamar. Penanaman pokok kurma bermula sejak sebelum Masihi iaitu 6000 hingga 8000 tahun yang lalu di Mesopotamia. Pada ketika itu, kemungkinan tiada tumbuhan lain yang ditanam di mana-mana tempat. Oleh itu, pokok kurma sangat berhubung kait dengan budaya dan tamadun manusia. Amer W. M. (1994) menyebut bahawa ketinggian pohon kurma adalah antara 15 hingga 25 meter, keratan rentas jejaryanya antara 20 hingga 40 sentimeter dan akarnya mencecah 6 meter kedalaman. Batang pohon kurma pula terdiri daripada gentian selulosa yang kuat dan boleh digunakan dalam menghasilkan papan lapis. Daun pohon kurma kebiasaannya dalam lingkungan 3 hingga 6 meter bergantung kepada jenisnya dan daunnya yang hidup antara 3 hingga 7 tahun.

Abu Islam (2012) menyebut bahawa kurma telah dikenali sejak dahulu lagi. Ia juga tercatat dalam kitab Injil dan Taurat. Ia menjadi makanan para Nabi dan Rasul. Terdapat hampir 100 jenis pokok kurma. Para sains moden telah menyenaraikan hampir 200 khasiat buah kurma yang memberi manfaat kepada kesihatan manusia. Buah kurma bukan hanya sekadar untuk dimakan malah bahagian-bahagian lain dari buah ini boleh dimanfaatkan. Antaranya ialah serbuk bunga kurma yang dijadikan makanan tambahan sebagai alternatif untuk memperolehi zuriat dan ia juga diperah untuk menghasilkan minyak. Menurut Ibn Kathir (1998), ayat al-Qur'an tersebut menerangkan tentang kaum Aad yang hidup di zaman Nabi Hud. Mereka ini mendustakan rasul mereka sepertimana yang telah dilakukan oleh umat sebelum mereka. Kemuncaknya, Allah menurunkan bencana kepada mereka iaitu angin ribut kencang yang amat sejuk dan menghancurkan mereka. Ribut yang menimpa mereka menumbangkan semua manusia pada hari itu dan mereka hancur bertebaran bergelimpangan hilang dari pandangan mereka. Pandangan Ibn Kathir (1998) diperkukuhkan lagi dengan pandangan Wahbab al-Zuhaili (2009) yang menyebut bahawa ribut kencang yang mengazab kaum Aad tersebut menghancurkan mereka dari muka bumi ini. Mereka hancur bergelimpangan dan jatuh ke permukaan bumi dalam keadaan yang telah mati berderai.

Beralih kepada sudut bahasa Arab, perkataan *al-Nakhl* dalam al-Qur'an dilihat mengandungi kekerapan pengulangannya sebanyak sebelas kali. Semua perkataan itu mendefinisikan erti kurma akan tetapi penggunaannya dari sudut bahasa Arab dalam al-Qur'an adalah berbeza mengikut kedudukan ayat al-Qur'an masing-masing. Mahmud Safi (1995) menyebut bahawa perkataan *Nakhl* dalam ayat surah al-Qamar ini mempamerkan gaya bahasa perumpamaan yang disebut sebagai *tashbih*. Perumpamaan yang zahir ini

menerangkan satu gambaran yang ditujukan kepada kaum Aad menerusi ayat al-Qur'an tersebut. Keadaan kaum Aad yang dinyatakan dalam ayat tersebut diumpamakan dengan perkataan *Nakhl*. Dalam kondisi ini, kaum Aad yang hancur binasa bergelempangan diumpamakan dengan batang-batang pohon kurma yang terbongkar. Batang-batang pohon kurma diibaratkan seperti tubuh badan atau jasad bagi penduduk kaum Aad. Manakala kurma yang terbongkar diumpamakan dengan keadaan jasad tubuh badan penduduk kaum Aad yang hancur terburai anggota badan dan tulang-tulang mereka. Sehubungan itu, kekuatan ayat al-Qur'an tersebut terletak pada perkataan *Nakhl*. Apabila pohon kurma sudah terburai daripada pohonnya, maka setiap buah akan bertaburan terburai. Demikianlah perumpamaan tersebut ditujukan kepada kaum Aad yang berada dalam keadaan terburai bergelempangan anggota tubuh jasad mereka rentatan daripada tiupan ribut kencang yang mengazabkan mereka. Ia menggambarkan satu suasana yang begitu dahsyat menimpa kaum Aad dengan azab yang begitu menakutkan.

Kesimpulan

Buah-buahan yang wujud dalam al-Qur'an adalah merupakan ciptaan Allah yang maha agung lagi maha bijaksana. Penggunaan buah-buahan dalam al-Qur'an dapat dilihat dalam aspek bahasa Arab seperti yang telah dibincangkan. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa penggunaan buah-buahan dalam al-Qur'an mempunyai kepentingan menerusi pelbagai aspek sama ada dari sudut linguitik, sejarah, perubatan dan sebagainya. *Al-Tin* didatangkan dalam al-Qur'an bagi memanifestasikan gaya bahasa *majaz* bagi sejenis buah yang mahsyur dan tempat tumbuhnya buah tersebut. Perkataan *al-Zaitun* dan *Rumman* didatangkan dalam al-Qur'an secara khusus menerangkan kemuliaan dan kelebihan bagi kedua-dua buah tersebut. *Al-Talh* pula menginterpretasikan pengkhabaran cerita tentang sejenis buah yang menjadi hidangan dan santapan penghuni syurga. Perkataan *'Inab* memperlihatkan aspek tatabahasa Arab dalam ayat al-Qur'an. Manakala *al-Nakhl* menjelaskan satu gaya bahasa perumpamaan. Oleh itu, al-Qur'an telah mengaplikasikan pelbagai cara untuk menyampaikan maksud ayat secara berkesan di sebalik penggunaan buah-buahan tersebut. Pendekatan gaya bahasa yang indah, susunan perkataan yang menghasilkan irama menusuk jiwa dan lain-lain menjadikan maksud tersurat dan tersirat ayat al-Qur'an dapat diterjemahkan serta memberi impak kepada jiwa. Sehubungan itu, penggunaan buah-buahan tersebut juga dapat dilihat menerusi struktur perkataan dalam al-Qur'an. Ia diperoleh dengan merujuk kepada susunan tersebut melalui cabang-cabang ilmu seperti ilmu linguistik, retorik, teologi, psikologi, fiqh dan sebagainya. Metode penggunaan al-Qur'an terhadap buah-buahan tersebut daripada pelbagai aspek ilmu bahasa Arab sama ada tatabahasa, *balaghah* atau linguistik adalah tepat dan wajar dijadikan panduan oleh pencinta bahasa Arab.

Rujukan

- al-Qur'an. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ashraf Qadah. 2009. *Asrar al-Nabat*. Dimashq: Dar al-Ghauthani li al-Dirasat al-Qur'an al-Karim.
- Abadi, Majd al-Din Muhammad al-Fairuz. 2005. *Qamus al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Jil.
- Abu Islam Muhammad bin 'Ali. 2012. *al-Nabatat fi Al-Qu'ran*. Qaherah: Dar al-Islam.
- Ahmad Hasan. 1996. *Diwan Ibn 'Arabi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amer W. M. 1994. History of Botany Part 1: The date palm in ancient history, Botany Department, Faculty of Science, Cairo University, Egypt.
- al-Baqi, Muhammad Fu'ad Abd. 2001. *al-Mu'jam al-Mufahras li alfaz al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Matba'ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Cicerela. 2010. Biological Activities of Phenolic Compounds Present in Virgin Olive Oil. *International Journal of Molecular Sciences*. Vol 11, No 2.
- al-Darwish, Mahy al-Din. 1992. *F'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuhu*. Dimashq: Dar al-Yamamah.
- al-Dainuri, Abi Hanifah Ahmad Daud. 1974. *Kitab al-Nabat*. Bayrut: Dar al-Qalam.
- al-Hadi, Abd al-Mun'im Fahim. *'Alam al-Nabat fi al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-'Arab* Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Katsoyannos P. 1992. *Olive Pest And Their Control In The Near East*. Rome: Food And agriculture Organization Of The United Nations.
- Mahir Hasan Mahmud Muhammad. 2006. *al-Thimar wa al-A'syab al-Waridah fi al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Iskandariyyah: Dar al-Nada.
- Muhamad Husain Salamah. 2002. *Al-F'jaz al-Balaghi fi al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Dar al-Afaq wa al-'Arabiyyah.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladuh.

- Othman Yaacob & Suranath Subhadrabandhu. 1995. *The Production of Economic Fruits in South-East Asia*. Chapter Subtropical and Temperate-zone Fruits. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- P. Bagri. 2009. Antidiabetic effect of *Punica granatum* flowers: Effect on hyperlipidemia, pancreatic cells lipid peroxidation and antioxidant enzymes in experimental diabetes. *Food and Chemical Toxicology*. Vol 47, No 1.
- Pamplona Roger, Jorger D. 2002. *Olive Tree: Ancient meal and current medicine in Encyclopedia of Medicinal Plants*. Madrid: Editorial Safeliz.
- Sumaiyah Binti Muhamad Tamizi. 2015. Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam Dan Sains Kesihatan. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Visioli F. *et al.* 2000. Diet and prevention of coronary heart disease: the potential role of phytochemicals. *Cardiovascular Research*. Vol 47, No 3.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2009. *Tafsir al-Munir fi al-^cAkidah wa al-Shari^cah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.